

## Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian

Wan Ismail W Dagang\*, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari

*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author: weillabis@gmail.com

### Abstract

Muzakarah Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia for the 74th, which convened on 25 - 27 July 2006 has discussed the current liberal thinking, the law and its implications for Islam in Malaysia. Muzakarah has decided that the Liberal Thought Movement consists ideology found to deviate from the aspect of faith and sharia. Although the National Fatwa Council has decided on the ban on movement of the Liberal Thought, he is still a threat and challenge to the Muslims whether in Malaysia or anywhere. Thus, this study aims to identify the threat of Islamic thought in the Liberal Arts with focus on the issues raised and some issues of great attraction to the local Muslim community to be affected with them though clearly deviated from the true teachings. The method used is the method of literature review. The findings show that the threat posed liberal Islamic thought in the society is able to attract audiences and gained ground among a handful of people to take part influenced by liberal Islamic thought. Preventive measures should be implemented in a planned follow-up because of the long-term impact could affect concern to Muslims in the region.

*Keywords:*

### Abstrak

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan tentang aliran pemikiran liberal, hukum dan implikasinya kepada Islam di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah. Sungguhpun Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan tentang pengharaman Gerakan Pemikiran Liberal ini, ia sebenarnya masih menjadi satu ancaman dan cabaran kepada umat Islam sama ada di Malaysia atau di mana-mana sahaja. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ancaman pemikiran Islam Liberal di Nusantara dengan memfokuskan kepada isu-isu yang diketengahkan dan beberapa isu yang menjadi daya penarik kepada masyarakat Islam setempat untuk terpengaruh bersama mereka sekalipun jelas menyimpang dari ajaran yang sebenar. Metode yang digunakan adalah metode kajian kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan ancaman pemikiran Islam liberal yang dilontarkan dalam masyarakat mampu menarik khalayak serta mendapat tempat dalam kalangan segelintir masyarakat untuk turut terpengaruh dengan pemikiran Islam liberal. Tindakan pencegahan susulan perlu dilaksanakan secara terancang kerana impak secara jangka panjang mampu memberi kesan yang membimbangkan kepada umat Islam di rantau ini.

*Kata kunci:* Liberalisme, islam nusantara, masyarakat

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENDAHULUAN

Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan aliran pemikiran telah menjadi satu ancaman sejak zaman awal Islam lagi. Umat Islam sering kali berhadapan dengan isu yang cuba untuk merosakkan kesucian dan kemurnian Islam dengan kemunculan aliran pemikiran yang melampau seperti muktazilah, Jabariyah dan sebagainya. Kecelaruhan pemikiran yang dibawa ini telah lama mewarnai sejarah umat Islam. Kemunculan fahaman pemikiran baru berteraskan liberalisme, sekularisme, rasionalisme dan seumpamanya telah mewujudkan ancaman kepada masyarakat Islam di rantau ini. Ancaman pemikiran yang sedang membelit umat Islam kini boleh mengelincirkan mereka kepada kesesatan dan kerosakan akidah. Di atas nama kemajuan pada era globalisasi, ancaman pemikiran liberal ini terus disemarakkan dengan semangat untuk menjadikan agama agar sentiasa relevan dengan peredaran zaman sehingga ke tahap melangar batas syariah Islam itu sendiri.

Pemikiran Islam Liberal merupakan satu bentuk pemikiran yang sering kali meletakkan prinsip kebebasan dan keterbukaan dalam segenap aspek kehidupan sehingga kadang kala melangkaui batasan syariah dan hukum-hakam yang telah termaktub dalam agama Islam sendiri. Kelompok pemikiran ini seringkali kelihatan cukup terkehadapan dalam memperjuangkan isu-isu wanita serta hak asasi kemanusiaan. Pengaruh pemikiran ini dikatakan mula menular dalam kelompok masyarakat Islam di Nusantara.

Persoalan fahaman yang cuba dikaitkan dengan Islam seperti pemikiran Islam Liberal ini sebenarnya merupakan salah satu dari apa yang disebut sebagai serangan pemikiran dan kebudayaan (gazwah al-fikri wa al-thaqafi). Bentuk-bentuk serangan yang secara tidak langsung dilakukan dengan tersusun bagi meruntuhkan pegangan agama masyarakat Islam yang boleh memberi kesan kepada keruntuhan Islam itu sendiri (Mohd Roslan, 2011). Namun, dalam masa yang sama umat Islam perlu memahami dalam konteks yang lebih luas berkenaan aliran pemikiran-pemikiran baru terutama yang berwajahkan Islam. Jika umat Islam dihadapkan dengan fahaman sekularisme, komunisme dan kapitalisme, secara mudah mereka dapat mengasingkan diri serta menjauhi daripada terpengaruh dengan fahaman-fahaman ini kerana ia

merupakan fahaman yang secara jelas bertentangan dengan akidah Islam. Tetapi serangan pemikiran yang berjenamakan Islam seperti pemikiran Islam Liberal ini agak sukar untuk dikenalpasti kerana aliran pemikirannya juga kadang kala berpaut kepada ayat-ayat Al-Quran dan Hadis. Tambahan lagi dibugarkan dengan penggunaan istilah-istilah Islam dan didokong oleh tokoh-tokoh yang berlatarbelakangkan agama (Shahrom TM, 2002). Perkara ini sudah pasti menimbulkan kepada kekeliruan dalam masyarakat. Polimek ini membawa kepada berlansungnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah memutuskan bahawa Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.

## ■ 2.0 KELAHIRAN DAN KEMUNCULANNYA

Kemunculan pemikiran diperingkat permulaan adalah sebagai falsafah politik Barat kemudiannya menerokai dalam aspek seperti sosial, politik, ekonomi dan social. Pemikiran ini terus berkembang sehingga berlaku proses liberalisasi dalam agama Kristian pada zaman renaissance sekitar abad ke-16 dan 17 Masihi. Menyemarakkan lagi pemikiran ini apabila institusi gereja dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan hidup. Maka bergeraklah pemikiran liberalisme dalam agama yang mempercayai bahawa masyarakat harus dibebaskan daripada tradisinya. Pemikiran liberal ini terus berkembang dan terus bertapak sebagai satu gerakan intelektual yang berusaha melunturkan segala sistem kepercayaan dan struktur sosial yang diterima pakai selama ini.

Dunia Islam juga tidak terlepas daripada pengaruh pemikiran liberal ini melalui beberapa tokoh cendekiawan Islam di Timur Tengah pada abad ke-20. Pada peringkat permulaan, pemikiran ini berligar dalam bidang pendidikan sahaja sebagai langkah untuk membebaskan umat Islam ketika itu daripada sifat taqlid buta dan langkah bergerak untuk maju ke hadapan. Namun begitu, kemudiannya idea murni pemikiran ini disalahfahami konsepnya oleh segelintir cendekiawan membawa kepada satu aliran pemikiran yang menjadikan rasionalisme sebagai prinsip dalam setiap pendekatan yang diambil (Shahrom TM, 2002). Terpengaruh dengan cara berfikir barat, akhirnya mewarnai gerakan modernisme Islam hasil konsekuensi interaksi dunia Islam dengan tamadun barat. Pemikiran liberal ini mula bertapak dan berkembang dalam kalangan segelintir pemikir Islam.

Perkembangan globalisasi dipersada dunia Islam telah mengarusperdanakan fahaman liberalism, semua ini meninggalkan pengaruh yang besar terhadap perkembangan pemikiran dalam dunia Islam. Pada masa yang sama, apabila Islam tercemar dengan imej atau momokan sebagai agama teroris, fanatik dan anti Barat serta anti pembedaan. Akhirnya membawa sekelompok ilmuwan yang merasakan ingin membela Islam bergerak atas landasan pemikiran liberal dan progresif. Pemikiran Islam Liberal lahir sebagai sebuah rumusan atau gagasan pemikiran para pemikir Islam yang moderate dalam usaha mereka untuk menjenamakan dan mengharmonikan semula imej Islam yang tercemar itu (Jabatan Agama Islam Selangor, 2011).

Idea yang mendokong liberalisasi telah lama muncul berdasarkan tulisan dan pandangan tokoh-tokoh dalam gerakan modernisasi Islam, gerakan sekularisasi dan sebagainya. (Mohammad Ariffin. t.t). Istilah Islam liberal mula digunakan secara meluas apabila diperkenalkan melalui buku “*Liberal Islam : A Source Book*” yang ditulis oleh Charles Kuzman (London, Oxford University Press, 1998) dan buku “*Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*” yang ditulis oleh Leonard Binder (Chicago, University of Chicago Press, 1998). Sekalipun penulisan ini terbit sekitar tahun 1998, namun fahaman pemikiran ini telah lama wujud dan bergerak dalam menimbulkan keraguan kepada umat Islam. Umat Islam di Malaysia juga tidak terlepas dari tempas gerakan pemikiran Islam Liberal ini.

Gerakan liberalisme ini sebenarnya adalah pengaruh daripada falsafah liberalisme yang berkembang di negara Barat yang telah masuk ke dalam seluruh bidang kehidupan seperti liberalisme ekonomi, liberalisme budaya, liberalisme politik dan liberalisme agama. Bahayanya golongan berfikiran Islam Liberal kerana tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, tetapi berselindung di sebalik slogan gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula syariat dan hukum- hukum fikah. Mereka berusaha menolak bentuk tafsiran yang dianggap lama dan kolot mengenai agama termasuk hal yang telah menjadi ijmak ulama, termasuk tafsiran daripada Rasulullah dan sahabat serta ulama mujtahid (Muhd. Najib, et.al, (2007). Bagi mereka agama hendaklah disesuaikan kepada realiti semasa, sekalipun terpaksa menafikan hukum-hakam dan peraturan agama yang telah sabit dengan nas syarak secara putus (qat’ie). (Mohammad Ariffin, t.t.) Bagi mereka jika terdapat hukum yang tidak menepati hak-hak asasi manusia dan tamadun global, maka hukum itu hendaklah ditakwilkan atau sebolehnya digugurkan. Pemikiran ini telah menyelinap masuk dan tidak terkecuali kepada para intelektual Islam. Dilema ini sangat membimbangkan lebih-lebih lagi bagi mereka yang baru berjinak-jinak untuk mengenali Islam dengan lebih dekat dan terpesona dengan pemikiran Islam liberal ini.

Kelompok pemikiran ini telah lama bertapak dalam mengolah pemahaman Islam dengan mengutamakan dalil akal di atas dalil wahyu dan mentakwil nas al-Quran atau hadis secara tidak bertanggungjawab, berselindung atas budaya intelektual ilmu sehingga membawa kepada kefahaman yang cenderung kepada kehendak nafsu. Pemikiran ini bertapak dalam masyarakat Islam atas pelbagai nama seperti Islam Moderat, Islam Pembaharuan, Islam Progresif dan sebagainya. Sekalipun mereka yang berfikiran liberal ini tidak mengidentitikan kelompok mereka secara langsung atas nama Pemikiran Islam Liberal namun mampu dikenali berdasarkan manhaj pemikiran yang diperjuangkan.

Gerakan pemikiran Islam Liberal terus berkembang sehingga ke Nusantara. Tapak semaian pertama kepada pemikiran Islam liberal bermula di Indonesia melalui pertubuhan Jaringan Islam Liberal (JIL) dengan sokongan beberapa tokoh pelopor seperti Djohan Effendi dan Munawir Sjadzali, Nurcholis Madjid dan lain-lain. (Shahrom TM, 2002). Di Malaysia pula, cetusan fahaman Islam liberal ini sering dikaitkan dengan kemunculan gerakan anti hadis yang dipelopori oleh Kassim Ahmad dan wujudnya beberapa NGO yang memperjuangkan isu-isu yang diketengahkan oleh kelompok pemikiran liberal ini (Ishak, 2009). Fahaman pemikiran Islam liberal terus subur hingga ke hari ini melalui pelbagai wacana dan perbahasan yang dianjurkan bagi terus melebarkan lagi pengaruhnya.

## ■ 3.0 CIRI-CIRI PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Benih-benih pemikiran Islam Liberal yang bercelaru dan membimbangkan ini mula menjalar masuk dalam masyarakat Islam kesan dari pengaruh cara berfikir ala barat (Khalif Muammar, 2012). Mereka terpengaruh dengan impian dan seruan yang meyakini bahawa corak kehidupan barat adalah sebagai contoh yang terbaik dalam segenap lapangan kehidupan. Segala pemikiran, keputusan dan sistem yang

diamalkan oleh barat perlu diutamakan. Pemikiran mereka terus ditanam dengan doktrin yang mengatakan bahawa sekiranya umat Islam ingin mencapai kemajuan seperti barat maka pemikiran umat Islam perlu diubah. Lantas mereka melontarkan buah pemikiran mereka sebagai pembaharuan dalam Islam walaupun pada hakikatnya sangat menyimpang dari kebenaran. Antara ciri pemikiran Islam Liberal ini ialah:

### 3.1 Bersifat Sekularisme

Pemikiran Islam Liberal berasaskan kepada pemikiran rasionalisme dan sekularisme sehingga menafikan kesempurnaan dan kesyumulannya Islam ini. Pemikiran ini jelas dipengaruhi oleh gagasan pemikiran sekular, sehingga melontarkan pandangan bahawa agama Islam hanyalah sebagai tuntunan pelaksanaan ibadah sahaja, bukan untuk menguruskan dan pentadbirkan dunia ini. Pemikiran mereka secara terang-terangan mendakwa bahawa syariat Islam tidak lagi sesuai dan ditolak untuk mengatur kehidupan manusia hari ini (Hartono, 2002). Agama Islam disingkirkan dari sebahagian besar kehidupan dan dilihat semata-mata melibatkan ibadah ritual sahaja. Bahkan agama dianggap sebagai rantai pengikat yang membelenggu kebebasan dalam kehidupan.

Charles Kurzman (1998) menyatakan bahawa Dr. Nurcholish Majid salah seorang tokoh Islam Liberal di Nusantara menjelaskan bahawa apologis yang mendakwa bahawa Islam adalah al-Din bukan agama semata-mata, adalah tidak benar jika ditinjau dari beberapa segi. Pertama ialah segi bahasa, iaitu perkataan al-Din dipakai juga untuk menyatakan agama - agama yang lain, termasuk agama syirik kalangan orang-orang Quraisy di Makkah. Jadi semestinya erti kata al-Din itu memang agama. Maka karena itu, Islam adalah agama semata-mata, malah Islam tidak ada hubungan dengan pengurusan negara.

Jabatan Agama Islam Selangor - JAIS (2011) menjelaskan bahawa pemikiran liberal ini mendukung doktrin untuk memisahkan urusan keagamaan dari kehidupan manusia bahkan percaya dan yakin bahawa kebebasan dalam bertindak adalah satu perkara asasi bagi setiap manusia yang tidak boleh diganggu gugat. Bahkan mereka turut mendakwa dan berpegang kepada prinsip “tiada paksaan dalam beragama” yang membawa kepada hak kebebasan bertindak yang kononnya sebagaimana dianjurkan oleh al-Quran.

### 3.2 Penolakan Terhadap Perundangan Islam

Penolakan terhadap undang-undang Islam lahir secara berani dalam pemikiran Islam Liberal apabila dengan lantang menimbulkan politik idea yang sangat janggal dengan menimbulkan persoalan “Kalau Allah itu Maha Adil atau kalau Islam itu adil, mengapakah ada undang-undang dan polisi-polisi yang dibuat atas nama Islam tetapi mencetuskan ketidakadilan?” (Jabatan Agama Islam Selangor, 2011). Mereka merasakan ada kepincangan yang berlaku dalam Islam lalu mula mencari penyelesaian dengan manhaj yang tersendiri dan terkeluar dari disiplin ilmu sehingga membawa kepada pencemaran terhadap kesucian Islam itu sendiri. Seolah-olah mahu membela Islam tetapi akhirnya seperti “Si tikus membaiki labu”.

Kerana itu, tidak hairan mereka yang berfikir Islam liberal lantang mengkritik pelaksanaan hukum syariat dengan pelbagai hujah senada dengan pandangan orientalis yang menganggap hukuman tersebut zalim dan tidak selari dengan peradaban moden. Pelaksanaannya tidak langsung tidak memberi keadilan malah menindas kaum wanita (Luthfi Assyauckanie, 2002). Hujah inilah sering kali digembar gemburkan seolah-olah syariat Islam itu sangat prejudis terhadap wanita sekalipun jelas sekali syariat Islam itu membela dan memuliakan wanita. Terdidik dengan propaganda barat akhirnya membawa mereka untuk menampilkan syariat Islam sebagai anti keadilan.

Pemikiran Islam Liberal ini juga mendakwa bahawa umat Islam hari ini terbelenggu dengan Islam yang didominasi dan diwarisi oleh bangsa Arab sehingga dihindangi oleh sindrom *Syariah-minded Muslims* (orang Islam yang berfikir Syariah) yang sentiasa menekankan bahawa undang-undang itu adalah jiwa atau inti kepada ajaran Islam. Warisan fahaman dari ulama tradisional menjadikan pengertian agama dalam rupa yang sempit (Jabatan Agama Islam Selangor, 2011). Kesan dari fahaman sebegini mengakibatkan perundangan Islam dilihat sebagai tidak bertoleransi, keras dan sentiasa bersifat menghukum serta mendakwa sudah tidak sesuai dan relevan lagi dengan realiti pemodenan dan perkembangan kehidupan manusia hari ini. Tanpa disedari oleh mereka bahawa pandangan dan pemikiran sebegini natijahnya menjauhkan lagi mereka dari agama Islam bahkan secara terang-terangan sebenarnya telah menolak perundangan Islam itu sendiri yang termaktub dalam al-Quran dan hadis.

### 3.3 Penolakan Terhadap Autoriti Keagamaan.

Pemikiran aliran Islam Liberal membahagikan wahyu kepada dua kategori: wahyu bertulis dan wahyu tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia, melalui pengolahan akal yang waras mampu menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks dan suasana zaman. Maka dengan itu al-Quran adalah sesuatu yang hanya bersifat menerangkan tujuan-tujuan agama manakala akal manusia yang menyesuaikan selari dengan konteks zaman. (Hafiz Firdaus, 2007).

Pemikir Islam liberal menolak '*religious authoritarianism*' untuk mengelak kesan negatif umat Islam terlalu '*rigid*' sehingga tidak boleh memberi kebebasan kepada penganutnya dalam melontarkan pandangan. Tidak seharusnya pendapat yang telah digariskan oleh ulama terdahulu berterusan mengikat yang terkemudian kerana kebenaran adalah bersifat relatif dan tiada siapa yang boleh mendakwa kebenaran hanya berpihak sesuatu kelompok sahaja. Penolakan ini akan membuka pintu kepada kebebasan melontarkan pandangan dan berjihad dalam Islam (Charles Kurzman, 1998).

Pemikiran aliran Islam Liberal tidak lagi mahu terikat dengan pandangan-pandangan ulama silam agar diselarikan dengan keadaan semasa. Mereka beranggapan bahawa ilmu-ilmu Islam seperti usul tafsir, usul fiqh, usul hadis, al-Jarh wa al-Ta'dil dan sebagainya yang selama ini merupakan sesuatu yang beku di dalam disiplin ilmu-ilmu Islam. Mereka melontarkan pandangan bahawa para mujtahid tidak sunyi daripada pelbagai kecacatan dan kesalahan (Hafiz Firdaus, 2007). Oleh itu pemikiran aliran Islam liberal tidak langsung menghormati ilmu-ilmu di atas dan jauh sekali daripada mengikat dalam tafsiran mereka bagi membuka ruang agar setiap orang boleh memberikan pandangan.

Atas dasar ini juga pemikiran aliran Islam Liberal membuka semula perbincangan, tafsiran dan ijtihad terhadap perkara-perkara yang sudah muktamad (qat'ie) kedudukannya di dalam agama. Atas kepelbagaian ini, mereka berpendapat tidak seharusnya mana-mana pihak boleh mendakwa pendapatnya sahaja yang benar, bahkan semua pendapat adalah boleh diterima. Malah mereka mendakwa apa yang selama ini dianggap qat'ie hanya relatif kepada pendapat manusia. Bagi aliran pemikiran Islam Liberal, perkara-perkara yang dianggap qat'ie

tersebut masih terbuka dan bebas kepada pelbagai pandangan (Charles Kurzman, 1998). Namun pada hakikatnya terdapat banyak ayat al-Quran mahupun hadis yang menuntut umat Islam agar menghormati para ilmuan, antaranya dalam surah al-Nahl, 16:43,

*‘...Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui’*

Jika setiap orang boleh mengutarakan pendapat dalam soal agama dan tanpa adanya kriteria dan syarat tertentu kepada para ilmuan dalam berpendapat maka sudah tentu penyelewengan dengan mudah akan menyerap masuk dalam kefahaman Islam. Kerana itulah autoriti sangat penting dalam ilmu pengetahuan bagi menjamin kebenaran sesuatu pendapat (Khalif Muammar, 2009).

### 3.4 Kebebasan Mentafsirkan Teks Al-Quran

Setelah mereka melaungkan konsep kebenaran adalah sesuatu bersifat relatif maka sewenang-wenangnya mereka penafsirkan teks al-Quran berdasarkan pemikiran liberal mereka. Di dalam satu tulisan yang diketengahkan sebagai panduan para aktivis Jaringan Islam Liberal berjudul ‘Al-Quran Edisi Kritis’ karya Taufik Adnan Amal memberi gambaran bahawa masih ada persoalan tentang kesahihan teks dalam al-Quran (Taufik Adnan, 2011). Aliran pemikiran liberal ini beranggapan perlunya proses pemantapan teks al-Quran untuk dinilai semula. Idea ini sangat disenangi oleh musuh Islam kerana ia sebahagian dari misi percaturan mereka bagi meruntuh tembok keyakinan umat Islam terhadap al-Quran. Malah agenda untuk menimbulkan keraguan terhadap kandungan al-Quran telah lama dilakukan secara serius oleh kalangan orientalis seperti karya karangan Samuel M. Zwemmer dan Abraham Geiger. Kini pengaruh ini telah turut meresap dalam kelompok pemikir Islam liberal (Adnin, 2003). Bertitik tolak atas konsep kebebasan pemikiran liberal membawa kepada penafsiran teks al-Quran secara melampau berasaskan rasional akal, sebagai contoh, terhadap firman Allah S.W.T: Al-Maidah, 5:38.

*‘Dan lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana’.*

Kelompok pemikir Islam Liberal berpendapat tujuan sebenar yg dituntut oleh al-Quran adalah menjatuhkan hukuman kepada pencuri. Bentuk hukuman boleh berubah kepada hukuman penjara selari dengan peradaban manusia. Demikian manhaj ‘membuka dan membebaskan’ tafsiran al-Qur’an yang dipegang oleh aliran pemikiran Islam liberal atas alasan untuk memajukan umat Islam. Manhaj ini juga mereka guna pakai terhadap semua hukum-hukum al-Quran termasuk perkara ibadah, sehingga apa yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w tidak semestinya perlu dipraktikkan dalam bentuk yang sama pada zaman kini. Bahkan kepada umat Islam yang berpegang kepada dasar ayat bahawa pencuri yang sabit kesalahan dipotong tangannya, aliran pemikiran Islam Liberal menyindir mereka sebagai “para penyembah teks” semata-mata. (Hafiz Firdaus, 2007). Mereka menyakini bahawa pemikiran rasional dalam menghuraikan teks-teks keislaman mampu menjadikan Islam terus relevan dan boleh bertahan pada setiap zaman dan suasana. Mereka mendakwa penolakan terhadap pemikiran rasional adalah satu ancaman ke atas Islam dan boleh membawa kepada ke belakang dan tidak sesuai lagi dipraktikkan. Sedangkan jika ditinjau kepada penafsiran yang dilakukan oleh Ibnu Kathir (t.t) dalam memberi penafsiran kepada ayat ini menjelaskan bahawa telah disepakati bahawa bentuk hukuman ke atas pencuri adalah dipotong tangannya. Perbahasan ulama dalam menjelaskan hukuman ini hanya berkisar tentang nisbah (batas ukuran) nilai harga barang yang dicuri sehingga boleh disabitkan hukuman tersebut dan tidak wujud langsung khilaf dalam bentuk hukuman tersebut.

Dalam berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran, kelompok pemikir Islam liberal banyak menggunakan pendekatan akal. Menurut Muhd. Najib (2007) Metode *al-Tafsir bi al-ra’yi al-mazmum* setiasa dijadikan asas oleh kelompok pemikir Islam liberal dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Terkesan dengan metode ini membawa kelompok pemikir Islam liberal menggunakan rasional akal dalam merubah hukum-hukum syariat Islam semata-mata mahu menyesuaikan dengan perkembangan zaman. Mereka menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut selesa mereka dan sebulu dengan pandangan orientalis barat.

Kaedah dan prinsip inilah yang sangat disukai oleh musuh Islam kerana inilah perancangan mereka untuk menghancurkan Islam melalui peperangan gopal alaf baru tanpa mereka perlu melibatkan diri secara langsung dalam serangan pemikiran ini, tetapi sudah cukup dan memadai melalui pemikiran liberal dari kalangan umat Islam sendiri bagi meruntuh dan mengharu biru Islam ini (Adnin, 2003). Inilah parahnya aliran pemikiran Islam Liberal sehingga sampai ke tahap sangat berani lari dari disiplin dalam membuat penafsiran terhadap ayat Allah semata-mata mahu selari dengan kehendak pemikiran rasional bagi menyesuaikan kehendak zaman atas alasan sesuai dengan peradaban manusia yang universal. Sekalipun tidak mengikut disiplin ilmu yang sepatutnya dalam menafsirkan ayat-ayat Allah (Muhd Najib, 2007).

## ■4.0 ISU-ISU YANG DIKETENGAHKAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

### 4.1 Pluralisme Agama

Aliran pemikiran Islam Liberal berpendapat agama Islam adalah agama yang benar. Namun pada waktu yang sama aliran Islam pemikiran liberal juga berpendapat semua agama selain Islam adalah benar juga. Dr. Nurholis Madjid salah seorang tokoh pemikir Islam liberal menyatakan : “Ibarat roda, pusat roda itu adalah Tuhan, dan jari-jari itu adalah jalan dari pelbagai agama. Falsafah perenial juga membahagi agama pada level esoterik (batin) dan eksoterik (zahir). Satu agama berbeza dengan agama lain dalam level eksoterik, tetapi sama dalam level esoterik. Oleh karena itu Satu Tuhan Banyak Jalan, jadi Pluralisme sesungguhnya adalah sebuah aturan Tuhan (Sunnatullah) yang tidak akan berubah, sehingga juga tidak mungkin dilawan atau diingkari” (Nurcholis Madjid, 1995).

Mereka mendakwa apabila setiap penganut agama mendakwa hanya tuhanya dan ajarannya sahaja yang betul, itu hanyalah dakwaan yang relatif dalam konteks dia dan agamanya sahaja. Jika dilihat daripada konteks keseluruhan agama, maka semua agama yang memiliki

konsep ketuhanan yang mengajar kepada kebaikan adalah semuanya benar (Hafiz Firdaus Abdullah, 2007). Manhaj seperti ini dipegang oleh Islam Liberal dengan tujuan supaya manusia yang menganut agama Islam dapat menggunakan sepenuhnya masa dan tenaganya untuk mencapai kemajuan tanpa dibazirkan kepada usaha membenarkan agamanya sahaja.

Manhaj kesamaan antara agama merupakan manhaj utama aliran Islam Liberal. Bahkan ia adalah satu manhaj tersendiri yang memandangkan agama-agama lain di dunia adalah sama. Keganjilan dalam manhaj utama Islam Liberal ini bukanlah menunjukkan keistimewaan mereka tetapi sebaliknya menunjukkan keterdesakan mereka mengorbankan segala sesuatu demi mencapai kehendak akal dan nafsu mereka. Mereka berhujah dengan ayat surah al-Baqarah, 2:21.

*‘Wahai manusia, sembahlah Tuhanmu yang Telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu, agar kamu bertakwa’.*

Mereka berpendapat sesiapa sahaja yang menyembah Tuhan dan menjadi orang benar-benar ikut agama mereka maka sebenarnya adalah orang beragama, sebab itulah perintah Allah dalam ayat ini. Sedangkan dalam al-Quran sendiri telah menyatakan bahawa agama yang diterima disisi Allah hanyalah Islam. Ali-Imran, 03:85.

*‘Sesiapa mencari agama selain agama islam, Maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi’.*

Namun begitu kelompok yang berfikir liberal mentakwilkan jika ayat ini dibaca dengan semangat inklusif, semangat agama universal (*al-Din al-Jami*) dengan mengembalikan makna Islam dalam erti generiknya sebagai ‘pasrah sepenuhnya’ kepada Allah maka maknanya akan berbeza sama sekali (<http://www.islamlib.com>). Mereka seolah-olah mendakwa bahawa semuanya sama di sisi Allah. Berbeza sekali dengan penafsiran yang dibuat oleh Ahli Tafsir bahawa lafaz Islam dalam ayat ini adalah merujuk kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w (Ibn Kathir, t.t).

Sekalipun Islam mengakui kehadiran beberapa agama lain, ia tidak bererti Islam mengiktiraf dan menganggapnya benar. Di sisi Islam, ukuran benar atau tidak sesuatu agama tidak terletak kepada kebaikan-kebaikan yang diseru oleh agama tersebut tetapi bagaimana ia mengajar penganutnya untuk mentauhidkan Allah. Inilah asas dan pembeza terpenting antara agama Islam dan agama-agama selain Islam.

#### 4.2 Persamaan Gender

Di Malaysia persamaan gender adalah menjadi isu utama bagi gerakan NGO (Non Governmental Organization) yang berlandaskan pemikiran Islam liberal sebagai agenda perjuangan mereka. Perubahan hukum syariah khususnya yang berkaitan dengan persamaan hak antara lelaki dan perempuan disuarakan oleh kelompok *Sisters in Islam* (SIS). Dalam isu Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan 2005), SIS bersama kumpulan NGO wanita yang lain telah menentang kuat Rang Undang-undang tersebut atas dakwaan kononnya ia akan menzalimi perempuan. Sebelum itu mereka juga menentang kuat Rang Undang-undang Jenayah Syariah Terengganu (Hudud) dengan membangkitkan polemik kononnya undang-undang itu akan menzalimi wanita yang dirogol. SIS juga terkenal sebagai kumpulan yang menentang amalan poligami secara keseluruhannya dan pernah melancarkan kempen monogami secara terbuka (Riduan, 2006). Agenda ini mendapat tempat dan sokongan dari ramai kalangan orang Islam yang terpengaruh dengan hujah-hujah logik akal dan mendapat tempat dan ruang dalam media arus perdana

Kejayaan mengadakan Program Musawah yang antara lain tujuannya adalah untuk memperjuangkan kesaksamaan wanita. Peserta dari seluruh dunia dijemput untuk bersama-sama memikirkan kaedah untuk memperjuangkan hak wanita dan membebaskan mereka dari penindasan atas nama agama dan atas nama hukum syarak. Ada di antara mereka menganggap bahawa undang-undang keluarga Islam yang ada seperti memberi ketidakadilan kepada wanita. Lebih parah, ada yang menganggap Islam menindas kaum wanita, tidak memberi kebebasan dan mengongkong wanita daripada melakukan aktiviti kemasyarakatan. (Mohd Roslan Mohd Nor, 2011)

Dalam usaha memartabatkan wanita, Prof. Dr. Siti Musdah Mulia, Pengarah di UIN (Universiti Islam Negeri) Jakarta selaku penyelia semasa menyediakan Draf Rancangan Kompilasi Hukum Islam (Counter Legal Draft) yang dikemukakan kepada Kementerian Agama telah mencadangkan beberapa perubahan hukum Islam dalam enakmen perkahwinan (Abd Moqsith, 2005) antaranya ;

- i. Pasal 3 ayat 1 : Asas perkahwinan adalah monogami dan berpoligami adalah tidak sah dan harus dinyatakan batal secara hukum.
- ii. Pasal 9 : Ijab-kabul boleh dilakukan oleh isteri –suami atau sebaliknya suami–isteri.
- iii. Pasal 54 : Perkahwinan berbeza agama antara muslim atau muslimah dengan non-muslim disahkan.
- iv. Pasal 59 : Talak boleh dilakukan oleh pihak suami atau isteri di depan sidang pengadilan agama.
- v. Pasal 88 ayat 7a : Masa iddah bukan hanya dimiliki oleh wanita tetapi juga untuk lelaki. Iaitu seratus tiga puluh hari.
- vi. Pasal 8 ayat 3 : Bahagian warisan anak laki-laki dan wanita adalah sama.

Sekalipun draf itu ditolak oleh Parlimen dan Kementerian Agama Republik Indonesia, namun aliran pemikiran Islam liberal terus bergerak atas slogan memartabat persama gender. Demikian juga, Muhidin M. Dahlan dari Universiti Islam Negeri Yogyakarta memuatkan pandangan dalam buku memori berjudul “Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur” melakukan pembelaan melampau terhadap wanita sehingga menganggap perempuan yang melacur tidak seharusnya dipandang hina dan tiada maruah diri dengan mempersoalkan apa bezanya perempuan lacur dengan perempuan yang bergelar isteri sedangkan posisinya adalah sama iaitu sebagai penikmat seks bagi lelaki. Hubungan seksual tetap dianggap hubungan seksual sekalipun melakukannya dengan berbilang pasangan (Muhidin M. Dahlan, 2005). Inilah hakikat pemikiran Islam liberal yang membelenggu akal mereka sehingga gagal melihat perkahwinan adalah sesuatu yang mulia dan dituntut oleh Rasulullah s.a.w.

Sebenarnya apabila kita meneliti sejarah Islam, jaminan hak ke atas kaum lelaki mahupun wanita tidak pernah menjadi persoalan diskriminasi. Kedatangan Islam telah menyelamatkan kaum wanita daripada menjadi mangsa diskriminasi kaum jahiliah yang tidak langsung memberi wanita bahkan meletakkan ke tahap yang sangat hina. Bahkan Islam terus membela kaum yang tertindas ini dan semenjak dari awal lagi pengiktirafan diberi kepada golongan wanita.

### 4.3 Aurat Wanita Islam

Aliran Pemikiran Islam Liberal melihat bagi memerdekakan wanita Islam dari belenggu kejumudan, salah satunya melalui pemahaman aurat yang universal. Mereka melihat persoalan tudung, jubah dan menutup aurat itu sebagai suatu yang merimaskan wanita dan wanita Islam perlu dibebaskan dari pakaian yang menutup aurat tersebut. (Mohd Roslan, 2011). Bahkan apabila ditanya kepada seorang aktivis Islam Liberal: “Kenapakah anda tidak memakai tudung?” Jawapan yang diberikan adalah: “Pakaian yang dituntut dalam Islam adalah taqwa”, merujuk kepada surah al-A’raaf, 07:26

*‘Wahai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan dan Pakaian takwa itulah yang paling baik. yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, Mudah-mudahan mereka selalu ingat’.*

Kefahaman seperti ini memang merupakan asas perjuangan kepada aliran pemikiran Islam Liberal dalam bab berpakaian (Hafiz Firdaus, 2007). Umat Islam Malaysia pernah dikejutkan oleh sebuah artikel berjudul ‘Memahami Aurat Wanita’ yang dimuatkan dalam *majalah al-Islam* edisi Februari 2004. Artikel tersebut dikeluarkan oleh Astora Jabat dan beliau mendakwa ia asalnya ditulis oleh seorang yang bernama Zainudin Idris. Antara yang didakwa ialah aurat yang wajib ditutup oleh kaum wanita mengikut syariat Islam hanyalah kemaluan depan dan belakangnya. Bahkan beliau menulis: “Jika terbuka buah dada dan belakang sekalipun dikirakan sembahyang mereka sah, apakah lagi di luar sembahyang?”. Bahkan dalam menghuraikan teks al-Quran, surah al-Ahzab, 33:59

*‘Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar, cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik), maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani’.*

Kalangan mereka yang berfikir Islam liberal telah menggunakan manhaj yang tersendiri melalui manhaj hermeneutic kesan pengaruh dari Orientalis Barat membuat dakwaan songsang bahawa ‘Jilbab – melabuhkan pakaian’ hanyalah pakaian budaya Arab. Berhujah bahawa pakaian labuh itu telah menjadi lumrah kehidupan dalam tradisi Arab primitif dalam suasana panas padang pasir, bukan hanya perempuan yang bertudung tetapi juga lelaki yang memakai jubah dan pakaian yang menutup seluruh tubuh dari hujung kaki sampai ke kepala ([www.islamlib.com](http://www.islamlib.com)). Terpengaruh dengan hujah tersebut maka mereka beraliran pemikiran liberal berpendapat apa keperluannya perempuan muslimah kini terikat dengan pakaian budaya tersebut.

Permasalahan tentang aurat ini bukan perkara baru bahkan telah disepakati para ulama mujtahid yang terdahulu bahawa seluruh tubuh wanita adalah aurat dan perlu ditutup kecuali muka dan dua tapak tangan (Al-Sabuni, 1977). Kewajipan memakai pakaian menutup aurat bukan sahaja kepada isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w tetapi juga kewajipan kepada seluruh perempuan muslimah yang digunakan untuk menutup kepala, belakang dan dada mereka (Ibn Manzur, 2003).

### 4.4 Mempertahankan Hak-hak Asasi (LGBT- Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender)

Para pemikir aliran Islam Liberal berpendapat, bahawa tidak ada alasan untuk menolak homoseksual. Bahkan penolakan dan kritikan terhadap homoseksual atau homoseksualiti oleh kalangan umat Islam hari ini berdasarkan penafsiran sempit terhadap ajaran Islam. Tuhan telah menjadikan semua manusia, baik lelaki ataupun wanita adalah sederajat, tanpa mengira etnik, kekayaan, kedudukan sosial ataupun orientasi seksual (Mohammad Ariffin bin Ismail, n.d.). Bahkan pemikiran Islam Liberal ini mengiktiraf hak-hak bagi golongan lesbian dan gay. Mereka menganjurkan usaha-usaha untuk membela dan mempertahankan hak-hak sivil golongan lesbian, gay, biseksual, transgender dan individu yang mengamalkan interseksual. Agenda mereka menyokong sebarang usaha atau ketetapan yang memberikan hak-hak yang sama rata untuk semua golongan manusia dalam sebuah masyarakat Islam tanpa mengira jenis, fahaman agama, budaya dan gaya hidup seseorang. (Jabatan Agama Islam Selangor, 2011)

Kemunculan gerakan yang memperjuangkan Perkahwinan sejenis dari Fakulti Syariah IAIN Semarang telah disemarakkan dalam penulisan Jurnal “Justisia” diterbitkan oleh Fakulti Syariah IAIN Semarang edisi 25/2004 untuk menghalal perkahwinan homoseksual. Setahun selepas jurnal ini dikeluarkan himpunan artikel yang ditulis oleh enam penulis ini telah diterbitkan sebuah buku ‘Indahnya Kawin Sesama Jenis’ (M Kholiludin et. al, 2005). Penulisan ini bagi menggalakkan masyarakat menerima dan mengakui legalisasi perkahwinan sejenis adalah normal dan fitrah. Bahkan mendakwa hanya orang primitif saja yang melihat perkahwinan sejenis sebagai sesuatu yang abnormal dan berbahaya.

Malah Prof. Dr. Siti Musdah Mulia berhujah bahawa homoseksual adalah sesuatu yang semulajadi dan diciptakan oleh Tuhan, kerana itu ia dihalalkan dalam Islam (Fatchurrochman, 2010). Bahkan tidak ada alasan untuk menolaknya kecuali didasari penafsiran sempit terhadap ajaran Islam. Beliau mendakwa :

*‘Moderate Muslim scholars said there were no reasons to reject homosexuals under Islam, and that the condemnation of homosexuals and homosexuality by mainstream ulema and many other Muslims was based on narrowminded interpretations of Islamic teachings’.*

Di Malaysia pula, umat Islam dikejutkan dengan isu kedatangan Irshad Manji bagi melancarkan buku terbarunya *'Allah, Liberty & Love'* bagi memberikan sokongan kepada penganut LGBT. Justeru isu ini dilihat, betapa di Malaysia sudah ada pendokong kepada budaya songsang ini sehinggalah Irshad Manji bersedia untuk hadir ke sini bagi menunjukkan sokongan secara terbuka, sekalipun pihak berkuasa telah bertindak menghalang program ini dari terus dilaksanakan namun secara tersirat pengaruh pemikirannya telah wujud serta mendapat sokongan dari golongan yang sehaluan dengannya.

## ■5.0 DAYA PENARIK PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Persoalan mengapa fahaman pemikiran Islam Liberal ini mendapat tempat di kalangan tokoh-tokoh Islam dan umat Islam sesuatu yang perlu diteliti bagi memberi gambaran terhadap ciri-ciri yang menjadi daya penarik Islam Liberal kepada kalangan segelintir ahli masyarakat. Antara faktor-faktor yang dikenali pasti mampu menjadi daya penarik kepada pemikiran Islam Liberal.

### 5.1 Tokoh-Tokoh Yang Memahami Islam

Tidak dapat dinafikan bahawa pendokong-pendokong pemikiran Islam Liberal adalah terdiri daripada tokoh-tokoh yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang Islam. Di antara tokoh-tokoh aliran ini yang mashyur di Timur Tengah adalah Rifa'at Bik al-Thantawi, Thaha Husein, Ali 'Abd al-Raziq, Mahmud Abu Rayya, Ahmad Amin, Hasan Hanafi, Farag Foudah, Naser Abu Zaid, 'Athif al-Iraqi, Nawwal al-Sa'dawi dan sebagainya. Pendapat tokoh-tokoh aliran Islam Liberal di atas banyak yang telah dijawab dan ditolak oleh tokoh-tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Timur Tengah, bahkan sebahagian daripada mereka telah ditarik balik ijazah kelulusan oleh universiti-universiti tempat asal pengajian mereka (Hafiz Firdaus, 2007).

Di Nusantara, tokoh-tokoh pemikir Islam Liberal juga dikatakan mempunyai latar belakang pengetahuan Islam yang cukup luas. Buku *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia : Pengusung Ide Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme* telah menyenaraikan pendokong-pendokong Islam Liberal di Indonesia. Antara tokoh-tokoh pelopor Islam Liberal di Indonesia adalah seperti Abdurrahman Wahid, Harun Nasution dan Nurcholish Madjid. Manakala pendokong dan penyokong pemikiran Islam Liberal adalah seperti Azyumardi Azra, Siti Musdah Mulia dan Ulil Abshar-Abdalla (Budi Handrianto, 2007).

Hampir kesemua tokoh-tokoh yang disenaraikan di dalam buku tersebut adalah mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang luas. Malah mereka juga berpeluang mendalami pengajian Islam di universiti-universiti Timur Tengah dan Eropah. Kebanyakan tokoh Islam liberal di Nusantara ini merupakan mereka yang mempunyai pengaruh yang tersendiri sama ada pernah memegang jawatan penting dalam kerajaan dan institusi Islam atau mereka merupakan tenaga pengajar yang mengajar ilmu-ilmu Islam di universiti-universiti Islam. Sebagai contoh, Abdurrahman Wahid pernah menjadi Presiden Indonesia dan Ketua kepada persatuan Nahdatul Ulama (NU) Indonesia. Dr Harun Nasution adalah Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta. Manakala Dr Siti Musdah Mulia merupakan Dosen Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta dan Ulil Abshar-Abdalla adalah seorang yang pernah mengukuti pendidikan pasentren (sekolah pondok) serta pernah belajar di peringkat sarjana di Fakultas Syari'ah LIPIA (Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab) Jakarta.

Oleh kerana kebanyakan tokoh-tokoh Islam liberal ini memiliki latarbelakang pendidikan Islam yang luas dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam institusi kenegaraan, pendidikan dan masyarakat, secara langsung pemikiran dan idea-idea yang dilontarkan oleh mereka amat mempengaruhi masyarakat. Pemikiran dan idea yang dilontarkan juga mempunyai asas-asas dan hujah-hujah yang bersandarkan kepada ayat-ayat Al-Quran yang telah ditafsirkan atau difahami dalam konteks liberalisme yang mereka fahami. Bagi masyarakat umum, pandangan ini adalah pandangan yang mewakili institusi dan badan Islam yang mereka dokong secara keseluruhannya. Perkara ini menyebabkan masyarakat umum mudah terkeliru dan menerima idea pemikiran yang dilontarkan oleh tokoh pemikir Islam Liberal.

### 5.2 Isu-isu yang “Memikat” Masyarakat

Selain mempunyai tokoh-tokoh yang mempunyai latar belakang pendidikan dan pengetahuan Islam serta berpengaruh dalam masyarakat, isu-isu yang diketengahkan oleh Islam Liberal juga menjadi salah satu daya penarik kepada segelintir masyarakat untuk cenderung, menyokong atau melahirkan simpati kepada golongan pemikir Islam Liberal. Antara isu yang menjadi tarikan adalah;

### 5.3 Toleransi dalam Agama.

Dalam keadaan Islam yang dipotretkan dengan pegganas dan kemunduran, Islam Liberal mempromosikan sebuah pemikiran yang didakwa bersandarkan kepada Islam yang mengajak masyarakat agar hidup dengan lebih harmoni dan bertoleransi dengan agama lain (Kurzman, 1998). Isu-isu *terrorist* dan radikal menjadi satu ancaman kepada Negara umat Islam khususnya Indonesia yang mempunyai penduduk Islam teramai di dunia. Selain Islam, Indonesia juga mempunyai penduduk yang menganut agama-agama lain seperti Kristian dan Budha. Peristiwa persengketaan antara Islam dan Kristian dapat dilihat dari beberapa peristiwa yang berlaku seperti di Ambon dan Maluku. Manakala Tragedi Mbah Periuk merupakan satu detik hitam menyaksikan persengketaan antara penganut Islam dan pihak berkuasa. Kisah pengeboman di Bali dan Jakarta yang mengakibatkan korban yang ramai juga adalah satu manifestasi kepada kefahaman radikal di kalangan penganut Islam di Indonesia.

Islam Liberal melalui fahaman Pluralisma Agama menjadi satu pendekatan yang dikatakan dapat menangani isu keganasan dan radikal dalam kalangan penganut berbilang agama. Mereka membantah golongan yang mereka sifatkan sebagai ekstremis dan radikal dalam memahami Islam seperti yang banyak terdapat di Negara-negara Islam sama ada di Timur Tengah dan Asia.

#### 5.4 Kemunduran

Kemunduran Negara-negara Islam juga dikaitkan dengan pemikiran masyarakat yang mundur, jumud dan terperangkap dalam doktrin-doktrin Islam lama, maka sewajarnya Al-Quran perlu ditafsir semula dan pintu ijtihad perlu dibuka seluas-luasnya (Wan Zahidi, t.t). Pendukung Pemikir Islam Liberal berpendapat bahawa agama adalah faktor penghalang bagi mencapai kekuatan dan kemajuan. Namun untuk menyelesaikan faktor penghalang ini, mereka berpendapat caranya ialah membuka dan membebaskan agama daripada ajaran dan tafsirannya yang sekian lama telah menjadi pegangan umat. Kelemahan dan kemunduran umat Islam dianggap berpunca daripada belenggu kejumudan umat dalam menafsir dan mempraktikkan agama Islam.

#### 5.5 Berkongsi Nilai Sejahtera

Islam Liberal juga mempromosikan Pluralisme Agama yang bertitik tolak dari masalah golongan radikal Islam yang muncul disebabkan oleh ketaksabaran dan pemikiran yang dipenjarakan oleh ilmu Fiqh klasik yang sering menyebabkan hubungan Muslim dan non-Muslim sentiasa menjadi tegang, mendiskriminasi non-Muslim dan isu-isu yang berkaitan dengan keadilan dalam konteks hubungan agama (Nur Farhana, Mohd Nasir dan Idris Zakariya, 2010). Justeru sebagai reaksi dari permasalahan yang berlaku ini, fahaman Pluralisme Agama dibentuk sebagai usaha golongan Islam Liberal menangani isu ini.

Sebagai bukti, sebuah buku berjudul “Fikih Lintas Agama” (Mun’im A. Sirry et.al, 2004) telah diterbitkan oleh Jaringan Islam Liberal (JIL) Indonesia sebagai respon kepada isu-isu yang berkaitan hubungan antara Muslim dan non-Muslim. Bahagian pertama buku ini menjelaskan dasar-dasar teologis yang dipegang oleh para penulis berdasarkan kepada prinsip kesatuan agama (pluralisme agama). Pada bahagian kedua buku ini membahaskan hukum-hukum fiqh baru seperti mengucapkan salam kepada orang bukan Islam, mengucapkan selamat hari raya kepada penganut agama-agama lain, menghadiri perayaan hari-hari besar agama-agama lain, doa bersama, mengizinkan orang bukan Islam masuk masjid. Bahagian ketiga mengkritik dengan lebih hebat lagi tentang hukum-hukum yang sedia ada dalam khazanah Islam seperti konsep jizyah, konsep ahl al-zimmah, perkahwinan beza agama. Seterusnya, bahagian keempat membahas bentuk-bentuk dialog dan bentuk-bentuk kerjasama yang mungkin dilakukan dengan agama lain (Muammar Khalif, 2006).

#### 5.6 Persamaan Hak dan Isu Feminisme

Satu lagi isu yang menjadi dasar kepada Islam Liberal yang menjadi tarikan kepada para pendukung pemikiran ini ialah persamaan hak dan keadilan sosial. Pejuang-pejuang wanita sering menjadikan isu persamaan hak ini sebagai satu isu yang digunakan untuk mendapat perhatian masyarakat. Ada di antara mereka yang menganggap bahawa undang-undang kekeluargaan Islam yang sedia ada seolah-olah tidak memberikan keadilan kepada wanita, menindas dan mengongkong wanita dari melakukan aktiviti kemasyarakatan (Mohd Roslan, 2011).

Di Malaysia, gerakan liberal tidak mempunyai kumpulan khas yang menggunakan nama Islam Liberal, tetapi dilakukan oleh individu-individu yang memperjuangkan demokrasi, fahaman persamaan semua agama, fahaman persamaan hak antara wanita dan lelaki (feminisme). Jika di Indonesia Gerakan Liberal dilakukan oleh Jaringan Islam Liberal (JIL), maka di Malaysia gerakan Islam Liberal difokuskan kepada persamaan hak antara wanita dan lelaki (feminisme). *Sisters In Islam* adalah kumpulan yang menyorankan persamaan hak antara wanita dan lelaki, di samping mempromosikan demokrasi, dan kebebasan (Mohammad Ariffin, t.t).

Pemikiran sebegini telah menyerap masuk ke alam Nusantara terutamanya di Indonesia. Seorang tokoh iaitu Prof Dr Mudah Mulia telah mendapat anugerah pengiktirafan dari Amerika Syarikat atas usaha yang dilakukannya untuk menyebarkan fahaman ini di sana. Selain mempersoalkan hukum hakam yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam, tokoh ini turut memperjuangkan hak hubungan antara kaum sejenis dengan alasan ia adalah sesuatu yang sunnahtullah. Oleh itu golongan ini perlu diiktiraf, dilayan secara adil dan tanpa diskriminasi (Mohd Roslan, 2011). Maka tidak hairanlah jika fahaman Islam Liberal ini mendapat sokongan dan dokongan dari segelintir ahli masyarakat yang merasakan bahawa fahaman ini mendokong persamaan hak dan keadilan sosial untuk kaum wanita dan golongan minoriti.

Cabaran kepada isu-isu ini mengakibatkan umat Islam menjadi keliru di antara tuntutan Al-Quran yang mengatakan hanya Islam agama yang diterima di sisi Allah (Ali Imran, 3:19) dengan persoalan sejauhmanakah umat Islam dibenarkan bertoleransi dengan agama lain? Persoalan ini perlu dijelaskan dari sudut batasan-batasan, bidang-bidang dan kaedah yang dibenarkan oleh Islam dalam hubungannya dengan agama lain. Sebagai sebuah Negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama, penjelasan-penjelasan harus diberikan kepada umat Islam dan masyarakat bukan Islam mengenai perkara ini. Menjadi tanggungjawab untuk kita sentiasa menjaga kesucian akidah sebagai seorang Muslim, namun kita juga dituntut untuk menjaga hubungan baik dan perpaduan dalam masyarakat majmuk ini.

### 6.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, menerusi kajian ini mendapati bahawa ancaman pemikiran aliran Islam Liberal perlu diberi perhatian oleh semua pihak demi memastikan kelangsungan ajaran Islam yang sebenar tidak dikelirukan. Pendedahan mengenai penyelewangan aliran pemikiran Islam Liberal perlu diperluaskan untuk memaklumkan kepada masyarakat Islam agar tidak terjebak dengan isu-isu yang diketengahkan. Pendedahan dan huraian yang jelas perlu dihadapkan kepada masyarakat mengenai apa yang dimaksudkan dengan aliran pemikiran Islam liberal dan bahayanya fahaman tersebut terhadap akidah umat Islam. Aliran pemikiran yang membicarakan soal agama dengan berpaksikan akal serta mengelirukan dalam berhujah mampu memberikan bahaya yang besar kepada umat Islam dengan isu-isu yang diperjuangkan sehingga dianggap itulah ajaran Islam yang sebenar disebabkan sumber yang mereka gunakan dari al-Quran dan Hadis. Isu-isu yang dikemukakan kepada masyarakat Islam kini sebenarnya telah lama diperjuangkan oleh aliran Orientalis Barat namun kini dibawa oleh aliran pemikiran Islam Liberal dengan ‘*membungkus kembali barang lama dengan bungkus baru*’, nampak menarik tetapi isinya tetap sama melalui orang Islam sendiri yang telah terdidik dengan corak pemikiran Liberal. Berselindung di bawah konsep pemikiran liberal dalam membicarakan soal keagamaan berkemungkinan besar untuk mengelirukan umat Islam.

Ancaman yang melanda melalui serangan aliran pemikiran Islam liberal tidak ubah seperti masyarakat Jahiliyah moden yang ingin memisahkan manusia daripada ajaran sebenar Islam. Semua pihak perlu berganding tenaga dan menggembeng usaha ke arah pemurnian



akidah daripada anasir- anasir yang bertentangan dengan agama Islam demi kepentingan pembangunan insan sebagai usaha membentuk sebuah masyarakat bertamadun yang memiliki nilai-nilai agama yang tinggi. Bagi mencapai matlamat tersebut, benteng keimanan umat Islam perlu diperkukuhkan serta setiap masyarakat perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman yang berkaitan dengan agama Islam sendiri yang menyentuh pelbagai aspek termasuklah bentuk-bentuk serangan musuh dalam menghancurkan agama Islam seperti ancaman aliran pemikiran seperti sekularisme, humanisme, orientalisme, liberalisme dan lain-lain. Dengan berbekal ilmu-ilmu tersebut, masyarakat akan lebih berhati-hati dan berwaspada untuk menerima sesuatu idealogi dengan sewenang-wenangnya dan hal ini merupakan langkah yang sangat baik demi membentuk umat Islam yang cemerlang sama ada dari segi fizikal mahupun spiritual agar sentiasa berpegang teguh kepada ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunah. Akhirnya marilah kita memperbanyakkan usaha, iltizam dan memperkasa ilmu agar menjadi tembok yang ampuh dalam diri kita untuk persiapan menghadapi ancaman dan cabaran ini.

## Rujukan

- Abd Moqsih Ghazali. (2005). *Ijtihad Islam Liberal*. Jakarta : Jaringan Islam Liberal
- Abdullah Basmeih, S. (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.
- Adnin Armas. (2003). *Orientalis dan al-Quran*. Kertas Kerja diskusi INSIST - 12 November. Kuala Lumpur.
- Amina Wadud Muhsin. (2003). Al-Quran dan Perempuan dalam Charles Kurzman, *Wacana Islam Liberal. Pemikir Islam Kontemporer Tentang Isu-Isu Global*, 185–209. Jakarta: Paramadina.
- Fatchurrochman Ahmad Sadali. (2010). *Pandangan Hukum Islam Tentang Pernikahan Sesama Jenis (Studi Pemikiran M Kholiludin Adib Ach)*. Tesis Sarjana, Fakulti Syariah Dan Hukum, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Hafiz Firdaus Abdullah. (2007). *Membongkar Aliran Islam Liberal*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Handrianto, B. (2007). *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*. Jakarta Timur: Hujjah Press.
- Hartono Ahmad Jaiz. (2002). *Bahaya Islam Liberal (Cetakan Kedua)*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Ibn Kathir. (t.t). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Maarif
- Jabatan Agama Islam Selangor (2011). Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia? *Jabatan Agama Islam Selangor*, 51–79.
- Kamarudin Salleh. (2012). Transformasi Pemikiran Pembaharuan dan Modenisisme di Malaysia : Satu Penelitian Awal. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 23–37.
- Khalif Muammar. (2009). *Atas Nama Kebenaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Khalif Muammar. (2012). Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 23–48.
- Kurzman, C. (1998). Liberal Islam and Its Islamic Context. In C. Kurzman, *Liberal Islam A Source Book*, 3–26. New York: Oxford University Press.
- Laman web <http://www.islamlib.com> seperti yang dilayari pada 25 Januari 2015
- Luthfi Assyaukanie. (2002). *Wajah Liberal Islam di Indonesia*. Jakarta: Jaringan Islam Liberal (JIL)
- M Kholiludin Adib Ach, et. al (2005). *Indahnya Kawin Sesama Jenis: Demokratisasi dan Perlindungan Hak-hak Kaum Homoseksual*, Semarang: Lembaga Studi Sosial dan Agama.
- Mohammad Ariffin, I. (t.t). *Cabaran Akidah: Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamadun*, 6, 107–121.
- Muhd. Najib, et.al. (2007). Tafsiran Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal, *Jurnal Islamiyat*, 29, 93–122.
- Muhidin M. Dahlan. (2005). *Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur: Memori Luka Seorang Muslimah*, Yogyakarta: Melibas
- Mun'im A. Sirry et.al, (2004). *Fikih Lintas Agama*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina & Asia Foundation.
- Nur Farhana, Mohd Nasir, & Idris Zakariya. (2010, Dis 14). Faham Pluralisme Agama dan Percanggahannya Dengan Akidah dan Syariah Islamiyah. *Wacana Membenters Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah*.
- Nurcholis Madjid. (1995) *Islam: Doktrin Dan Peradaban*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Riduan Mohd Nor. (2006). *Siri Serangan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Mhi Publication.
- Shaharom TM Sulaiman, (2002). *Wacana Islam liberal di Timur Tengah*. Massa 3-9 Ogos.
- Sheikh Muhammad Ali al-Sabuni. (1977). *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Damsyik: Maktabah al-Ghazali
- Soheib Bencheikh (2008). 'Globalization, Islam and Francophonie,' dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values; Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World*, 17. Jakarta: International Center for Islam and Pluralism.
- Wan Zahidi, W. T. (t.t). *Gerakan Islam Liberal di Indonesia dan Kaitannya Dengan ESQ*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.